

SAR 'bersih' akan terima semula bantuan

UM 28 OCT 2002

KUALA LUMPUR 27 Okt. — Sekolah agama rakyat (SAR) yang didapati 'bersih' daripada sebarang unsur politik songsang akan menerima semula bantuan kerajaan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin berkata, kerajaan sedang mengenal pasti SAR yang tidak disalahgunakan untuk disalurkan semula bantuan.

Menurut beliau, jabatan-jabatan agama Islam negeri sedang mengumpul maklumat dan akan menghantar laporan kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) berhubung SAR yang mematuhi kurikulum yang ditetapkan.

"Jika ternyata sekolah itu tidak terlibat dalam politik dan sebaliknya mendidik ilmu agama yang tulen kepada pelajarinya, kita akan salurkan semula bantuan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Minggu Pembangunan Ekonomi Islam di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini hari ini.

Beliau mengulas keputusan kerajaan yang menghentikan bantuan kepada semua SAR di seluruh negara kerana mendapati ia disalahgunakan untuk tujuan politik.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dalam sidang akhbar selepas mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO Jumaat lalu berkata, penarikan bantuan itu kekal sehingga kerajaan berpuas hati SAR bebas daripada gejala tersebut.

Mematuhi

Kerajaan sebelum ini memberi bantuan dalam bentuk elaun khas kepada pentadbiran SAR termasuk guru berdasarkan jumlah pelajar sesebuah sekolah itu.

SAR turut menikmati bantuan fizikal dengan peruntukan berjuta-juta ringgit daripada kerajaan melalui pembinaan sekolah baru dan membaik pulih sekolah.

Abdul Hamid berkata, pihaknya mengenal pasti hampir semua SAR gagal mematuhi kurikulum yang sepatutnya.

SAR, tegas beliau, yang sepatutnya menjadi pusat menimba ilmu, dijadikan medan membenci pemimpin kerajaan.

"Sekolah ini bukan lagi menjadi sekolah agama tetapi sekolah politik," tegasnya.

Keputusan kerajaan itu, jelasnya, bukan bertujuan menghentikan terus bantuan tetapi sebagai amaran kepada sekolah yang menyalahgunakan institusi tersebut.

Dalam pada itu, Abdul Hamid memberitahu, pihaknya telah mengarahkan jabatan-jabatan agama Islam negeri memantau majlis tazkirah yang diadakan ketika sembahyang tarawih di seluruh negara.

Menurutnya, tindakan tegas akan diambil terhadap pihak yang didapati menggunakan majlis tazkirah untuk tujuan menghasut atau menyebarkan fitnah.